

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Jawab semua soalan.

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 4

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.


- 1 Kami sungguh _____
melawat negeri Kedah pada cuti
sekolah yang lalu.
A hebat C seronok
B selesa D sabar

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Rashid _____ kegembiraan
apabila ayahnya membelikannya
sebuah basikal.
A mendaki C merangkak
B melonjak D memanjat
- 3 Nenek Tijah sudah tua dan dia
berjalan _____.
A bengkok C bongkok
B lurus D condong
- 4 Zarif membeli sebuah telefon
pintar berjenama _____.
A Proton Saga C Toyota
B Adidas D Samsung

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 5 "_____ menurut perintah
Tuanku," kata Hang Tuah kepada
Sultan Melaka.
A Saya C Patik
B Beta D Mereka
- 6 Kereta abang yang rosak semalam
dihantar ke _____ untuk dibaiki.
A bengkel C klinik
B kilang D muzium
- 7 Amilah seorang budak perempuan
yang kasar _____ baik hati di
sekolahnya.
A sambil C lalu
B tetapi D dan
- 8 "Jangan beritahu _____
rahsia kepada Murad," pesan
Halim kepada rakan-rakannya.
A bila-bila C mana-mana
B siapa-siapa D apa-apa

9 Senaman dapat _____ tekanan perasaan.
A mengurangkan C mengurangi
B berkurangan D kekurangan

10 Arjun pantas mengejar bola semasa membuat latihan bersama kawan-kawannya di padang.

Pilih **perkataan sinonim** bagi pantas.

- A cekap C rajin
B laju D sopan

11 Adik-adik Leman memejam mata apabila abangnya bercerita tentang cerita seram.

Pilih **perkataan antonim** bagi memejamkan.

- A mengelip C mencelik
B membersihkan D menutup

12 Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

I Banyak daki yang melekat pada baju sekolah adik.

II "Kita akan daki bukit ini bersama-sama," kata Ah Fong kepada Sudin.

III Amin daki pokok rambutan itu setelah disuruh oleh ibunya.

- A I dan II C I dan III
B II dan III D I, II dan III

13 Pilih **simpulan bahasa** yang sesuai.

Siva seorang yang _____ kerana selalu menderma wang kepada orang miskin.

- A mulut murai
B ringan tulang
C murah hati
D panjang tangan

14 Pilih ayat yang **sama maksud**.

Mei Ling menyiapkan kerja sekolahnya dahulu sebelum keluar bermain di padang.

A Mei Ling ke padang selepas menyiapkan kerja sekolahnya.

B Kerja sekolah disiapkan oleh Mei Ling sebelum keluar bermain di padang.

C Mei Ling menyiapkan kerja sekolah di padang sebelum bermain.

D Mei Ling keluar bermain di padang sebelum menyiapkan kerja sekolahnya.

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang betul.

15 A Harun menziarahi kawannya yang baru pulang di Malaysia.

B Rosmah membeli alat pengelap lantai yang baharu.

C Semua murid sedang berkerumun di dewan sekolah untuk mendengar ceramah.

D Badri akan mengubati pembedahan mata esok.

16 A Lauk kegemaran ibu adalah ayam masak kurma dan sambal telur.

B Encik Chua berasa kecewa untuk perangai buruk anaknya itu.

C Cikgu Nazri tidak datang ke sekolah hari ini kerana dia bercuti.

D Mereka bergotong-royong mendirikan surau itu.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Loceng sekolah berbunyi menandakan waktu pulang sudah tiba. Ainul mengemas barang-barang di atas meja lalu dimasukkan ke dalam beg sekolahnya. Dia keluar dari bilik darjahnya dan menuju ke luar kawasan sekolah.

Ainul mencari bas sekolah yang akan dinaikinya. Ada juga kawan-kawan Ainul yang dijemput oleh ibu bapa mereka. Ada juga yang berjalan kaki dan berbasikal pulang ke rumah mereka. Ainul berhati-hati memanjat tangga bas agar tidak terjatuh. Ainul tidak suka berebut-rebut kerana dia tahu amalan itu akan menyebabkan kemalangan. Semasa di dalam bas, Ainul duduk dengan sopan.

Dia selalu mengingatkan kawan-kawannya supaya tidak bermain dan berkejar-kejaran di dalam bas. Apabila sampai di kawasan perumahan Taman Bahagia, Ainul menekan loceng. Bas berhenti betul-betul di hadapan rumahnya. Dia melangkah turun dari bas dengan gembira. Kemudian, dia melambai tangan kepada kawan-kawannya. Ainul masuk ke dalam rumah dan memanggil ibunya.

17 Bagaimanakah sikap Ainul?

- A Seorang yang peramah.
- B Seorang yang nakal.
- C Seorang yang bersopan-santun.
- D Seorang yang biadap.

18 Mengapakah Ainul tidak suka berebut-rebut semasa menaiki bas?

- A Boleh menyebabkan dia tidak dapat tempat duduk.
- B Boleh menyebabkan dia terlambat.
- C Boleh menyebabkan pemandu bas marah.
- D Boleh menyebabkan kemalangan.

19 Ainul seorang murid yang

- A sombong.
- B berbudi pekerti mulia.
- C mementingkan diri sendiri.
- D rajin.

20 Apakah nasihat Ainul kepada kawan-kawannya ketika berada di dalam bas?

- A Jangan bermain dan berkejar-kejaran di dalam bas.
- B Berdiri di atas tangga bas.
- C Membaca buku di dalam bas.
- D Berebut-rebut semasa berada di dalam bas.